

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan mengkaji semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) supaya PGK itu adalah lebih menggambarkan situasi terkini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan kini dalam proses membuat kajian semula pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang menggunakan PGK nasional iaitu RM980. Model PGK semasa ini dibuat kajian semula dengan mengambil kira corak penggunaan (*consumption pattern*) makanan dan bukan makanan serta keperluan dan demografi semasa isi rumah. Keperluan kalori semasa dalam komponen makanan bagi PGK rakyat Malaysia dinilai semula dan dikemaskini. Hasil kajian semula ini dijangka akan dijadikan input penting dalam merumus strategi pembasmian kemiskinan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) 2021-2025.
2. Agensi pemberi bantuan Kerajaan telahpun mengguna pakai PGK mengikut negeri supaya bantuan dapat disampaikan kepada kumpulan sasar berdasarkan keperluan sebenar penerima faedah mengikut lokasi bermula pada tahun 2019.
3. Untuk pengukuran garis kemiskinan yang lebih inklusif selaras dengan amalan antarabangsa, Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) akan diguna sebagai pelengkap kepada PGK. Model MPI Malaysia bukan sahaja mengukur kemiskinan dari segi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup tetapi juga dari segi pendapatan.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
18 Mac 2019